



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Industries

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.mafi.gov.my

KENYATAAN MEDIA

PEMANSUHAN *APPROVED PERMIT* (AP) BAGI KOMODITI AGROMAKANAN

1. Selaras dengan pengumuman YAB Perdana Menteri pada 18 Mei 2022, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) ingin memaklumkan bahawa *Approved Permit* (AP) yang merujuk kepada kelulusan kuota import dan kebenaran mengimport bagi komoditi agromakanan tertentu iaitu **kubis bulat, kelapa tua biji, ayam (keratan ayam dan ayam bulat) dan susu cair**, tidak lagi dikenakan dan berkuatkuasa serta merta. Walau bagaimanapun, AP untuk pengimportan beras masih lagi berkuatkuasa. Keputusan pemansuhan AP ini adalah sebagaimana diputuskan oleh Jemaah Menteri.
2. Walaupun AP tidak lagi diperlukan untuk membawa masuk komoditi agromakanan daripada luar negara, pengimport masih perlu mempunyai *Import Permit* (IP) bagi tujuan kawalan biosekuriti di pintu-pintu masuk negara. Ini untuk memastikan kawalan biosekuriti dan produk yang diimport adalah bebas daripada penyakit dan perosak serta diperoleh daripada loji yang diiktiraf oleh Kerajaan.
3. Dengan pemansuhan AP ini, semua syarikat adalah dibenarkan mengimport semua komoditi agromakanan tertakluk kepada *Import Permit* (IP) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) beserta syarat-syarat yang tertulis dalam permit selaras dengan subseksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] dan juga Akta serta Peraturan lain yang berkuatkuasa.
4. MAFI akan terus memainkan peranan penting bagi memastikan kelangsungan sektor agromakanan di setiap peringkat rantai makanan dan supaya rakyat terus mendapat bekalan makanan yang mencukupi, selamat dimakan serta berkhasiat. Pada masa yang sama, kebajikan pengeluar makanan tempatan juga akan terus dipelihara.
5. MAFI berharap dengan keputusan Kerajaan ini, bekalan makanan dan sekuriti makanan negara akan terus kekal terjamin bagi kesejahteraan Keluarga Malaysia.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

19 MEI 2022